



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA A1030

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 1998

Tarikh Persetujuan Diraja :	25 Jun 1998
Tarikh diterbitkan dalam <i>Warta</i> :	1 Julai 1998
Tarikh mula berkuat kuasa:	21 Ogos 2000 [P.U. (B) 278/2000]

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

[Mukadimah.](#)

- Seksyen 1. [Tajuk ringkas.](#)
- Seksyen 2. [Mula berkuat kuasa.](#)
- Seksyen 3. [Seksyen baru 29A, 29B dan 29C.](#)
- Seksyen 4. [Pindaan seksyen 44.](#)

Mukadimah.

Suatu Akta untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Seksyen 1. Tajuk ringkas.

Akta ini bolehlah dinamakan **Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 1998**.

Seksyen 2. Mula berkuat kuasa.

Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Seksyen 3. Seksyen baru 29A, 29B dan 29C.

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 29 seksyen yang berikut:

'Larangan atas pembakaran terbuka.

29A. (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan pembakaran terbuka di mana-mana premis.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud subseksyen (1)-

"pembakaran terbuka" ertinya apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku di udara bebas dan yang tidak dihalakan ke udara bebas itu melalui serombong atau cerobong, tetapi tidak termasuk apa-apa kebakaran, pembakaran atau pembaraan yang berlaku bagi aktiviti-aktiviti yang ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

"premis" termasuklah mana-mana tanah.

Pemunya atau penduduk premis bertanggungjawab bagi pembakaran terbuka.

29B. Jika pembakaran terbuka berlaku di mana-mana premis-

(a) pemunya; atau

(b) penduduk,

premis itu yang mempunyai kawalan atas premis itu adalah disifatkan telah melanggar subseksyen 29A(1) melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Pembelaan.

29C. Dalam apa-apa pendakwaan di bawah seksyen 29A atau 29B, adalah menjadi pembelaan jika orang, pemunya atau penduduk premis itu membuktikan-

(a) bahawa pembakaran terbuka itu berlaku di luar kawalannya atau tanpa pengetahuan atau pembiaran atau persetujuannya; atau

(b) bahawa dia-

(i) mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah; atau

(ii) menjalankan segala usaha yang wajar,

untuk mencegah perlakuan kesalahan yang sepatutnya diambil dan dilaksanakan olehnya dengan mengambil kira jenis tanggungjawabnya atas sifat itu dan kepada segala hal keadaan.'.

Seksyen 4. Pindaan seksyen 44.

Akta ini adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 44 dengan seksyen yang berikut:

"Pendakwaan.

Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan- peraturan yang dibuat di bawahnya tanpa keizinan bertulis Pendakwa Raya."

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Law net.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD